



TUN KRITIK PEMERINTAHAN TUNKU ABDUL RAHMAN

Setelah pilihanraya umum pada 10 Mei 1969, menyaksikan Parti Perikatan kalah di beberapa buah kerusi penting. Kesannya tercetuslah peristiwa 13 Mei 1969, yang telah menggoncang pemerintahan Tunku Abdul Rahman. Peristiwa 13 Mei ini menyebabkan Tun mengkritik pemerintahan Tunku. Beliau menuduh Tunku Abdul Rahman terlalu berlembut dengan tuntutan orang Cina sehingga berlakunya Peristiwa 13 Mei ini.



TUN KALAH PILIHANRAYA

Sebagai makluman Tun telah kalah dalam Pilihanraya Umum tersebut di kawasan Parlimen Kota Setar Selatan. Beliau tewas dengan calon PAS, Haji Yussuf Rawa yang mendapat 13,201 undi dan Tun daripada Perikatan mendapat 12,032 undi. Ini menyebabkan beliau lantang mengkritik kepimpinan Tunku Abdul Rahman melalui suratnya kepada Tunku bertarikh 17 Jun 1969.

SURAT TUN TELAH "TERBOCOR"

Antara yang dikritik ialah cara Tunku menangani permasalahan orang Melayu sehingga berlakunya ketegangan kaum Melayu dan Cina. Namun surat Tun Dr Mahathir telah "terbocor" dan disalin serta disebarikan secara meluas. Tunku berpendapat Tun harus keluar dan dipecat daripada UMNO (Milne, 1982).



DIGUGURKAN UMNO

Akhirnya beliau telah digugurkan sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO pada 12 Julai 1969. Kemudian beliau dipecat dari UMNO pada 22 September 1969 dalam satu keputusan yang dibuat oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang bersidang khas untuk hal itu (Shafie Nor 1981: 9-10), tetapi Tunku tidak hadir dalam mesyuarat tersebut.




YANG TURUT DIPECAT

Seramai 25 orang menyokong dan 5 menentang penyingkiran Tun. Antara yang menentang ialah Syed Jaafar Albar dan Syed Nasir Ismail. Antara yang turut dipecat adalah Musa Hitam. Beliau dipecat pada 28 Julai 1969. Musa Hitam selepas itu telah berangkat ke London untuk menyambung pelajaran.

PEMBERONTAK SEMENTARA


Tun berada dalam buangan selama 21 bulan. Ini telah memamatkan beliau tentang politik dan UMNO serta pemodenan bangsa Melayu (Ahmad Atory Hussain 1993: 21). Pemecatan Tun tidak menamatkan riwayat politik beliau di dalam UMNO. Buat sementara, beliau menjadi "pemberontak" dalam buangan. Beliau tidak menyertai mana-mana parti politik pada waktu itu.



PAS SEDIA MENERIMA BELIAU

PAS dikatakan bersedia menerima beliau. Tun pernah muncul dalam satu rapat PAS untuk membidas pimpinan UMNO waktu itu yang beliau tuduh tidak begitu membela orang Melayu seperti yang dijanjikan (Business Times 19 Jun 1995).

"THE MALAY DILEMMA"



Semasa menjalani tempoh pemecatannya, Tun menulis sebuah buku bertajuk The Malay Dilemma pada tahun 1971 yang diterbitkan di Singapura. Buku ini diharamkan di Malaysia dan ditarik balik ketika Tun menjadi Perdana Menteri.

BERLAKU PERUBAHAN KEPIMPINAN UMNO

Apabila berlaku perubahan kepimpinan UMNO yang diketuai oleh Tun Razak, pemulihan Tun mula menyusul dengan segera. Namun UMNO tidak boleh membawa masuk beliau begitu saja. Beliau perlu membuat permohonan. Namun Tun tidak begitu ghairah berbuat demikian.




TUN DITERIMA MEMASUKI SEMULA UMNO

Datuk Harun Idris, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, pada 1971, telah pergi berjumpa sendiri dengan Tun di Alor Setar untuk menyakinkan bahawa tenaga beliau sangat diperlukan UMNO. Akhirnya Tun pada 6 Februari 1972 membuat permohonan dan diterima memasuki semula UMNO berdasarkan surat beliau kepada Tun Abdul Razak. The New Straits Times 7 Februari 1972; Shafie Nor 1981: 43).

MEMENANGI KERUSI MAJLIS TERTINGGI

Tun tidak menjadi ahli UMNO di Kedah, sebaliknya di cawangan Rawang, Selangor. Selepas itu beliau memenangi kerusi Majlis Tertinggi dengan undi terbanyak dalam pemilihan jawatan parti 1972 (Far Eastern Economic Review 19 Mac 1976).

PENGAJARAN



Pemimpin hebat tidak gentar menegur kesilapan pimpinan atasan



Rintangan tidak melemahkan kita untuk terus berjuang



Istiqamah adalah syarat kemenangan untuk semua

انْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا

"Keluarlah kamu dalam keadaan ringan atau berat dalam berjuang".

[Taubah(9):41]